



## **IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)**

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( 42. )

### **1) JURUTERA AWAM (GRED J48) KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Jurutera Awam (Gred J48)  
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 5,208.00 – RM 11,766.00
3. Syarat Lantikan :  
Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - d) Berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
  - e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan tidak kurang dari 10 tahun.
4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

- Bertanggungjawab dalam perbincangan dan penilaian teknikal bagi projek-projek penswastaan lebuhraya tol di peringkat perancangan;
- Bertanggungjawab menyemak rekabentuk kejuruteraan lebuhraya untuk proses kelulusan;
- Bertanggungjawab memantau kualiti dan kemajuan kerja-kerja pembinaan lebuhraya mengikut spesifikasi dan siap mengikut jadual;
- Bertanggungjawab menyelaraskan isu-isu pengurusan operasi dan kerja-kerja penyenggaraan aset-aset utama lebuhraya seperti Turapan, Jambatan, Terowong, Cerun dan Pembentung berjalan lancar selaras dengan terma perjanjian konsesi;
- Bertanggungjawab merangka, menyedia dan menyemak semula penerbitan Garis Panduan, Manual dan *Standard Operating Prosedure* (SOP) serta lain-lain dokumen untuk rujuk LLM dan industri lebuhraya;
- Bertanggungjawab ke atas pembangunan dan pelaksanaan sistem-sistem ICT berkaitan Pengurusan Lebuhraya dan Pentadbiran Am;
- Bertanggungjawab terhadap pematuhan kehendak ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, OHSAS 45001:2018/, MS ISO/IEC 27001:2013 dan MS ISO 37001:2016 dalam pelaksanaan tugas-tugas di LLM; dan
- Bertanggungjawab menghadiri mesyuarat dan perbincangan dengan pihak dalaman dan luaran di peringkat Kementerian, Syarikat Konsesi, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi.

## **2) PEMANDU KENDERAAN (GRED H11) KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Pemandu Kenderaan (Gred H11)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 1,218.00 – RM 2,939.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
  - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

## CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara on-line melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **24 Januari 2024 (Rabu)** hingga **6 Februari 2024 (Selasa)**.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **7 Februari 2024 (Rabu)**.

## **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

1. Tidak lengkap;
2. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
3. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan;

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURUTERA**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	: <b>KEJURUTERAAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	: <b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	: <b>J41, J44, J48, J52, J54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	: <b>1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29/30, AB36, AB38 dan AB40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau(ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan</li><li>(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none"><li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li><li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li><li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li></ol></li></ol></li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>
<b>LATIHAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>

- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44**

    9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
    10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
    11. Jurutera Gred J41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J44 yang kosong apabila telah:
      - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
      - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
      - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
      - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J48**

      12. Jurutera Gred J44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J48 yang kosong apabila telah:
        - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
        - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
        - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J52**

        13. Jurutera Gred J48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J52 yang kosong apabila telah:
          - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
          - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
          - (c) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan
          - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J54**

          14. Jurutera Gred J52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J54 yang kosong apabila telah:
            - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
            - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; and
            - (c) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; and
            - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

            15. Jurutera Gred J54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jurutera yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: H11, H14, H16, H18</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(ii) lesen memandu Kelas E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan  
(iii) berkebolehan memandu dan mengendalikan semua jenis jentera pemunggah dalam pelbagai saiz dan kekuatan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14**

10. Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H14 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H16**

11. Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H16 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H18**

12. Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H18 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 ATAU PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19**

13. Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2013).

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM  
BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JULAI 2016**

**(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401JA54000	J54	6,179.00	13,252.00	320.00
SSM401JA52000	J52	5,857.00	12,446.00	290.00
SSM401JA48000	J48	5,208.00	11,766.00	270.00
SSM401JA44000	J44	3,608.00	10,557.00	250.00
SSM401JA41000	J41	2,529.00	9,643.00	225.00

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM  
BAGI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN  
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JULAI 2016**

**(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401HA28000	H28	2,728.00	5,565.00	130.00
SSM401HA26000	H26	2,599.00	5,290.00	125.00
SSM401HA22000	H22	2,271.00	4,725.00	115.00
SSM401HA19000	H19	1,377.00	4,052.00	100.00
SSM401HA18000	H18	1,829.00	3,831.00	100.00
SSM401HA16000	H16	1,734.00	3,616.00	95.00
SSM401HA14000	H14	1,644.00	3,401.00	90.00
SSM401HA11000	H11	1,218.00	2,939.00	80.00